



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA

PEMERKASAAN KEUSAHAWAN WANITA SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 1 Mac 2021 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) meneruskan komitmen dalam agenda memperkasakan keusahawanan wanita yang merupakan salah satu pemain utama dalam menjana ekonomi negara serta kesejahteraan rakyat. Komitmen ini diterjemahkan melalui penubuhan Jawatankuasa Induk Keusahawanan Wanita (JIKW) iaitu satu platform yang mendokong agenda bagi memperkasakan keusahawanan khusus kepada koperasi/ komuniti usahawan wanita dari pelbagai kategori, termasuk juga kategori penjaja kecil (informal).

Jawatankuasa tersebut yang merupakan kesinambungan kepada Sesi Dialog Keusahawanan Wanita pada September 2020 telah bersidang buat pertama kalinya pada 1 Mac 2021 dan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Haji Shamsudin. Kehadiran terdiri daripada wakil-wakil kementerian, agensi, koperasi dan juga persatuan bukan kerajaan (NGO) wanita.

Jelas dengan fokusnya ke arah pemerkasakan usahawan wanita, MEDAC menyambut baik jalinan sokongan dan kerjasama pelbagai pihak di mana peranan setiap Kementerian, agensi, koperasi dan NGO adalah saling melengkapi dengan matlamat dan hala tuju yang sama. Platform JIKW dilihat dapat mewujudkan sinergi yang lebih bersepadu, di mana semua pihak bermuafakat dalam mencari pendekatan terbaik bagi memastikan inisiatif atau program yang dirangka dapat berjalan lancar dengan impak positif kepada golongan sasaran iaitu usahawan wanita. Dalam hal ini, penjaja kecil (informal) tidak dipinggirkan kerana ia semakin berkembang lebih-lebih lagi ekoran pandemik COVID-19, di mana lebih ramai menceburi perniagaan kecil-kecilan sebagai alternatif menjana pendapatan.

JIKW juga melihat bahawa institusi koperasi dan NGO juga boleh digarap sebagai platform yang efektif dalam menyalurkan maklumat dan bimbingan kepada kumpulan usahawan wanita. Jalinan *networking* di seluruh negara juga dapat dioptimumkan dan secara tidak langsung dapat membangunkan satu ekosistem pembangunan usahawan yang kondusif. Perkongsian ilmu daripada persatuan atau NGO yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman dalam sektor korporat juga dapat membantu terutamanya usahawan yang baru berjinak dalam perniagaan.

Harapan MEDAC melalui JIKW adalah supaya peratusan penglibatan usahawan dalam kalangan wanita dapat terus ditingkatkan serta memberi perhatian untuk memperkasakan usahawan wanita yang sedia ada ke peringkat yang lebih maju. Berdasarkan bancian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2016 menunjukkan bahawa peratusan perusahaan milikan wanita yang berdaftar adalah 20.6% atau 187,000 perusahaan, daripada jumlah perusahaan 907,065 berdaftar di negara ini. Jumlah tersebut perlu ditingkatkan jika aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan Unggul menjelang tahun 2030 ingin direalisasikan.

Usaha ini adalah usaha jangka masa panjang dan perlu dilaksanakan secara berterusan agar seiring dengan strategi di bawah Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030). Menyedari hakikat tersebut, MEDAC akan meneruskan pendekatan libat urus dengan golongan sasaran dari semasa ke semasa bagi mendapatkan gambaran jelas serta memahami situasi atau cabaran yang diidap agar inisiatif / program yang dirangka lebih fleksibel dan mampan.

Pemeriksaan usahawan wanita oleh MEDAC adalah pelengkap kepada pelbagai usaha kerajaan dalam membangunkan ekonomi negara dan wanita yang berdaya saing dapat berperanan sebagai pemangkin bukan sahaja dari sudut ekonomi bahkan juga dari sudut kesejahteraan rakyat.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI